

28 guru dikesan alami kemurungan

Sebahagian guru memilih bersara awal kerana tidak bersedia pikul tugas pentadbiran

MELAKA

Sebanyak 28 guru atau 4.32 peratus daripada cikgu di Melaka yang mengambil Saringan Stres, Kebimbangan dan Kemurungan (DASS) dikesan mengalami kemurungan.

Exco Kesihatan dan Antidapar negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, selain itu, 23 guru atau 3.54 peratus daripada mereka dikesan berada pada tahap stres berdasarkan ujian yang dijalankan ke atas mereka oleh Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pendidikan

Negeri (JPN).

“Ujian berkenaan dilaksanakan untuk mengukur tahap stres dan kemurungan guru di Melaka dengan 648 daripada 13,976 guru yang dikenal pasti menghadapi tekanan telah menjawab saringan tersebut secara sukarela melalui Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Justeru, pelbagai tindakan diambil untuk membantu golongan guru berkenaan antaranya sesi kaunseling dan Program 3PI iaitu P e m u l i h a n ,

Pencegahan, Pembangunan dan Intervensi,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di sini pada Selasa.

Dr Akmal (BN-Merlimau) menjawab soalan tambahan dikemukakan Hameed Myhtheen

Kunju Basheer (BN-Ayer Limau) yang ingin mengetahui isu guru bersara awal di Melaka dan puncanya.

Dr Akmal mewakili Exco Pendidikan dan Teknologi negeri, Datuk Rais Yasin yang bercuti kerana menunaikan haji.


Ujar beliau, program meningkatkan kesedaran kesejahteraan psikologi guru turut dilakukan bagi membendung perkara berkenaan.

Jelas Dr Akmal, sehingga hari ini, sebanyak 212 guru di negeri itu memilih bersara awal berbanding 164

orang pada tahun lepas disebabkan beberapa faktor antaranya isu kesihatan guru atau pasangannya, guru tersebut telah mencapai tempoh 25 tahun perkhidmatan, tiada lagi tanggungan anak kerana mereka telah bekerja atau



MUHAMAD AKMAL



Guru yang kemurungan akan diberi sesi kaunseling dan menyertai program Pemulihan, Pencegahan, Pembangunan dan Intervensi.

berumah tangga dan mereka ingin berehat.

“Ada juga antara guru berkenaan yang memilih bersara awal kerana mereka tidak ber-

sedia untuk diberikan tanggungjawab dalam bidang pentadbiran apabila diberikan penempatan baharu khususnya bagi guru grad 52 dan 54,” katanya. - Bernama